KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR

13 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 13 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI : KHAMIS
TARIKH : 13/10/2022
M/SURAT : 32

# Stor minyak diesel subsidi di Selangor dibongkar

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berjaya menumpaskan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi di Selangor baru-baru ini.

Menurut Ketua Pengarah Penguatkuasanya, Azman Adam, kejayaan itu hasil serbuan ke atas sebuah premis tanpa nombor dan alamat di sekitar Taman Industri Selesa Jaya, Balakong.

"Lokasi ini disyaki dijadikan sebagai tempat bagi aktiviti pemindahan diesel bersubsidi dan stor simpanan minyak itu tanpa kebenaran," katanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Serbuan tersebut ujar beliau, dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa kementerian dari ibu pejabat Putrajaya pada pukul 3 petang hasil daripada risikan beberapa hari sebelum itu.

Ketika pemeriksaan, seorang lelaki rakyat tempatan berusia lingkungan 30-an bersama-sama seorang lelaki bukan warganegara yang mengaku sebagai pekerja ditahan di premis ini.

Hasil pemeriksaan lanjut, pasukan itu menemukan minyak diesel dianggarkan berjumlah 9,000 liter dengan beberapa peralatan lain yang dipercayai digunakan untuk kegiatan tersebut.

Azman menambah, premis itu juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran sah daripada pihak kementerian tersebut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Sehubungan itu, pasukan berkenaan menyita minyak tersebut, sebuah lori, peralatan penyambungan dan beberapa dokumen perniagaan yang berkaitan," kata beliau.

Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM99,350.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS
TARIKH : 13/10/2022
M/SURAT : 16



SEBAHAGIAN barangan yang disita dalam serbuan di sebuah premis di Taman Industri Selesa Jaya, Balakong, Selangor baru-baru ini.

# Aktiviti penyeludupan diesel di Balakong tumpas

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya menumpaskan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi di Selangor baru-baru ini.

Ketua Pengarah Penguatkuasanya, Azman Adam berkata, kejayaan itu hasil serbuan ke atas sebuah premis tanpa nombor dan beralamat di sekitar Taman Industri Selesa Jaya, Balakong, Selangor.

"Lokasi itu disyaki dijadikan sebagai tempat bagi aktiviti pemindahan diesel bersubsidi dan stor simpanan minyak itu tanpa kebenaran.

"Serbuan telah dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa kementerian dari ibu pejabat Putrajaya hasil risikan beberapa hari sebelum itu," katanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Katanya, ketika pemeriksaan, seorang lelaki rakyat tempatan berusia 30-an bersama-sama seorang lelaki bukan warganegara mengaku sebagai pekerja ditahan di premis itu.

"Ia disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," tegasnya.

Jelasnya, pihak KPDNHEP turut bertindak menyita minyak tersebut, sebuah lori, peralatan penyambungan.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 13/10/2022
M/SURAT : 15

# Dua ahli sindiket seleweng diesel bersubsidi dicekup

SERDANG - Dua lelaki disyaki ahli sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi ditahan dalam serbuan ke atas sebuah premis di Taman Industri Selesa Jaya di sini minggu lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, premis tak bernombor itu dipercayai digunakan sebagai pusat pemindahan dan stor penyimpanan oleh sindiket terbabit.

"Pasukan serbuan telah menemukan minyak diesel dianggarkan sebanyak 9,000 liter bersama beberapa peralatan lain yang dipercayai digunakan untuk melakukan aktiviti terbabit.

"Premis juga telah gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran daripada KPDNHEP berhubung urusan dengan barang kawalan berjadual iaitu minyak diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sementara itu, Azman berkata, pasukan serbuan menyita kesemua minyak diesel berkenaan termasuk sebuah lori, peralatan penyambungan dan dokumen perniagaan dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM99,350.

Dalam pada itu, beliau berkata, dua suspek yang terdiri dari seorang lelaki tempatan dan lelaki warga asing berusia lingkungan 30-an yang mengaku bekerja di premis terbabit ditahan bagi membantu siasatan.

"Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh di ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun.

"Syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM3 juta dan siasatan akan dilakukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)," ujar beliau.

Harian Metro

HARI : KHAMIS

TARIKH : 13/10/2022

M/SURAT : 22

# Bekalan telur di JB kurang

**Johor Bahru:** Pengguna di bandar raya ini mengeluh kerana sukar mendapatkan telur ayam berikutan bekalannya yang didakwa berkurangan sejak dua minggu lalu.

Tinjauan di kedai runcit dan pasar mini sekitar Pandan dan Iskandar Puteri di sini, semalam, mendapati kebanyakan premis sudah kehabisan stok telur untuk dibeli pengguna.

Rak-rak tempat jualan telur juga dilihat kosong dan hanya kelihatan beberapa pek telur masin dan telur puyuh sahaja.

Peniaga kedai runcit di Kampung Paya Kenangan, Hakim Umar, 32, berkata, bekalan telur di kedainya sudah kehabisan dibeli pengguna sejak seminggu lalu.

"Pembekal hanya menghantar bekalan telur seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat dengan bekalan sebanyak 20 hingga 30 pek telur jenis Omega berbanding telur papan biasa.

"Walaupun telur jenis Omega ini mahal sedikit, pengguna tiada pilihan. Biasanya tidak sampai sehari pek telur sudah kehabisan.

"Pembekal mendakwa berlaku gangguan bekalan telur papan bersubsidi menyebabkan banyak tempahan dibuat pekedai tidak dapat dipenuhi," katanya ketika ditemui, semalam.

Ahad lalu, media melaporkan pemberian subsidi kepada penternak dan pengeluar telur ayam akan diteruskan dari Oktober hingga Disember ini, selari persetujuan dicapai pada mesyuarat Kabinet Jumaat lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dilaporkan berkata, ia membabitkan kadar 80 sen bagi sekilogram ayam, manakala lapan sen bagi sebiji telur dengan keputusan itu dibuat selepas mengambil kira harga siling kedua-dua bahan berkenaan.

Pengguna, Nor Azura Md Amin, 32, berkata, sejak bulan lalu orang ramai sukar mendapatkan bekalan telur ayam berikutan ia sering kehabisan di pasaran sekitar bandar raya ini.

"Sekarang kena pergi banyak lokasi kedai untuk cari telur namun kebanyakan premis maklumkan bekalan telur sudah habis.

"Peniaga mendakwa tidak banyak stok telur yang dihantar pembekal namun tiada alasan kenapa stok tidak banyak," katanya.

Bagaimanapun, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor Hairul Anuar Bohro ketika dihubungi berkata, isu kekurangan bekalan telur di bandar raya berlaku hanya di sesetengah kawasan.

"Kemungkinan pusingan belian yang tinggi menyebabkan berlaku kehabisan bekalan telur di banyak lokasi di bandar raya ini.

"Belian pukal oleh segelintir pengguna terutama peniaga menyebabkan bekalan telur di sesetengah lokasi kehabisan.

"Namun, kita akan tetap membuat pemantauan bagi memastikan bekalan telur tidak menghadapi masalah sekali gus meresahkan pengguna," katanya.



HAKIM meletakkan nota memaklumkan tiada bekalan telur di kedai runcitnya di Kampung Paya Kenangan, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 13/10/2022
M/SURAT : 16



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM7.49 | Telur Gred A | RM13.35 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM10.99 |
| Daging Lembu Tempatan | RM38 | Ikan Kembung | RM11.50 | Bawang Besar Holland | RM2.89 | Kubis Bulat Tempatan | RM3.90 |
| Daging Lembu Import | RM50.90 | Minyak Masak | RM7.10 | Bawang Putih | RM4.99 | Tepung Gandum | RM2.60 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

| BERITA ONLINE BERTARIKH 13 OKTOBER 2022 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 13-Oct | SELEWENG DIESEL BERSUBSIDI \| 2 Pekerja Premis Di Taman Industri Selesa Jaya Ditahan | https://youtu.be/P79AqVpjhWs | BULETINTV3 |
| 13-Oct | KPDNHEP sita 9000 liter minyak diesel bersubsidi di selangor | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-sita-9-000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-di-selangor-385485%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 13-Oct | Premis PKS di Balakong jadi stor diesel haram diserbu, 2 lelaki bersubahat kena cekup | https://majoriti.com.my/berita/2022/10/12/premis-pks-di-balakong-jadi-stor-diesel-haram-diserbu-2-lelaki-bersubahat-kena-cekup | MAJORITI |
| 13-Oct | KPDNHEP sita 9000 liter minyak diesel bersubsidi di selangor | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2128386 | BERNAMA |
| 13-Oct | Dua ahli sindiket seleweng diesel bersubsidi dicekup | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/225547 | SH |
| 13-Oct | Kegiatan simpan minyak diesel bersubsidi di Selangor tumpas | https://www.kosmo.com.my/2022/10/12/kegiatan-simpan-minyak-diesel-bersubsidi-di-selangor-tumpas/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kegiatan-simpan-minyak-diesel-bersubsidi-di-selangor-tumpas | KOSMO |
| 13-Oct | KPDNHEP Sita 9,000 Liter Minyak Diesel Bersubsidi Di Selangor | https://www.getaran.my/artikel/semasa/32817/kpdnhep-sita-9000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-di-selangor | GETARAN |
| 13-Oct | Stor simpan diesel subsidi di Selangor dibongkar | https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/stor-simpan-diesel-subsidi-di-selangor-dibongkar/ | UM |
| 13-Oct | CERITA PAGI PERLIS-AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDNHEP NEGERI PERLIS | https://youtu.be/wCPhAk_fXLA | BEROTARTM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13-Oct | KPDNHEP Perlis buat pemeriksaan ke atas 406 item barangan keper-luan harian | https://youtu.be/vsnjk2UtlC8 | ONENEWS |
| 13-Oct | MGNews: KPDNHEP Tawar Geran Penuh Dan Geran Padanan Untuk Usahawan Perluas Perniagaan Francais | https://malaysiagazette.com/2022/10/12/mgnews-kpdnhep-tawar-geran-penuh-dan-geran-padanan-untuk-usahawan-perluas-perniagaan-francais/ | MALAYSIAGAZETTETV |
| 13-Oct | Program Jelajah Francais Mikro dan Mampu Milik | https://malaysiagazette.com/2022/10/12/program-jelajah-francais-mikro-dan-mampu-milik/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 13-Oct | 11 francaisor terima Geran Penuh Program F3M | https://malaysiagazette.com/2022/10/12/11-francaisor-terima-geran-penuh-program-f3m/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 13-Oct | KBM 2022 PELBAGAI PENGISIAN MENARIK SESI PADANAN PERNI-AGAAN KEPADA PENGUNJUNG | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-bisnes/kbm-2022-pelbagai-pengisian-menarik-sesi-padanan-perniagaan-kepada-pengunjung-385547%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 13-Oct | Kembangkan perniagaan francais menerusi Geran Penuh dan Geran Padanan – KPDNHEP | https://suaramerdeka.com.my/kembangkan-perniagaan-francais-menerusi-geran-penuh-dan-geran-padanan-kpdnhep/ | SUARAMERDEKA |
| 13-Oct | GHARG MAKSIMUM AYAM DAN TELUR DIKEKALKAN | https://malaysiagazette.com/2022/10/12/harga-maksimum-ayam-dan-telur- | MALAYSIAGAZETTE |
| 13-Oct | HARGA MAKSIMUM AYAM TELUR AYAM KEKAL | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/891721/harga-maksimum-ayam-telur-ayam-kekal | HM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13-Oct | KPDNHEP sec-gen: Chicken, egg maximum price determination continues | https://www.theborneopost.com/2022/10/12/kpdnhep-sec-gen-chicken-egg-maximum-price-determination-continues/ | THEBORNEOPOST |
| 13-Oct | PELAKSANAAN PENENTUAN HARGA MAKSIMUM AYAM DAN TELUR AYAM DISAMBUNG | https://dayakdaily.com/pelaksanaan-penentuan-harga-maksimum-ayam-dan-telur-ayam-disambung/ | DAYAKDAILY |
| 13-Oct | Tempoh Pelaksanaan Harga Maksimum Ayam dan Telur Dilanjutkan – KPDNHEP | https://suara.tv/12/10/2022/tempoh-pelaksanaan-harga-maksimum-ayam-dan-telur-dilanjutkan-kpdnhep/ | SUARATV |
| 13-Oct | Harga maksimum ayam dan telur ayam kekal – KPDNHEP | https://www.edisi9.com.my/2022/10/harga-maksimum-ayam-dan-telur-ayam-kekal-ksu-kpdnhep/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=harga-maksimum-ayam-dan-telur-ayam-kekal-ksu-kpdnhep | EDISI9 |
| 13-Oct | Ceiling price for standard whole chicken maintained at RM9.40 per kg | https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/181807 | SINARDAILY |
| 13-Oct | Chicken, egg maximum price determination continues, says Domestic Trade sec-gen | https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/12/chicken-egg-maximum-price-determination-continues-says-domestic-trade-sec-gen | THESTAR |
| 13-Oct | DOMESTIC TRADE SEC GEN CHICKEN EGG MAXIMUM PRICE DETERMINATION CONTINUE | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/10/12/domestic-trade-sec-gen-chicken-egg-maximum-price-determination-continues/33245 | MALAYMAIL |
| 13-Oct | KERAJAAN SAMBUNG PELAKSANAAN PENENTUAN HARGA MAKSIMUM AYAM, TELUR AYAM | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2128528 | BERNAMA |
| 13-Oct | Chicken, egg maximum price determination continues | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2128580&utm_source=Newswav&utm_medium=Website | BERNAMA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13-Oct | Harga maksimum telur, ayam dis-ambung | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/225603q | SH |
| 13-Oct | Kerajaan sambung pelaksanaan penentuan harga maksimum ayam, telur ayam | https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/12/kerajaan-sambung-pelaksanaan-penentuan-harga-maksimum-ayam-telur-ayam | UMBORNEO |
| 13-Oct | Chicken, egg maximum price de-termination continues | https://www.thesundaily.my/local/chicken-egg-maximum-price-determination-continues-NG9976906 | THESUNDAILY |
| 13-Oct | Kerajaan sambung pelaksanaan penetuan harga maksimum ayam, telur ayam | https://www.melakahariini.my/kerajaan-sambung-pelaksanaan-penetuan-harga-maksimum-ayam-telur-ayam/ | MELAKAHARINI |
| 13-Oct | Skim harga maksimum ayam, te-lur ayam disambung | https://www.kosmo.com.my/2022/10/12/skim-harga-maksimum-ayam-telur-ayam-disambung/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=skim-harga-maksimum-ayam-telur-ayam-disambung | KOSMO |
| 13-Oct | HARGA MAKSIMUM AYAM, TE-LUR KEKAL | https://www.google.com/amp/s/www.hotfm.audio/harga-maksimum-ayam-telur-kekal/amp/ | HOTFM |
| 13-Oct | BEKALAN TELUR DI JOHOR BAHRU KURANG | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/891638/bekalan-telur-di-johor-bahru-kurang | HM |
| 13-Oct | BEKALAN TELUR DI JB SEJAK 2 MINGGU LALU | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1011433/bekalan-telur-kurang-di-jb-sejak-2-minggu-lalu | BH |
| 13-Oct | Kerajaan sambung pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam, Telur Ayam | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/405855 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 13-Oct | KPDNHEP Perak rampas pakaian, peralatan sukan bela diri tiruan | https://www.kosmo.com.my/2022/10/12/kpdnhep-perak-rampas-pakaian-peralatan-sukan-bela-diri-tiruan/ | KOSMO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13-Oct | Raih untung RM34,000 sebulan jual barang sukan tiruan | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/225650 | SH |
| 13-Oct | 3 LELAKI DITAHAN JUAL PAKAIAN BERJENAMA TIRUAN DALAM TALIAN | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/891707/3-lelaki-ditahan-jual-pakaian-berjenama-tiruan-dalam-talian | HM |
| 13-Oct | Premis simpan diesel tanpa kebenaran diserbu, dua pekerja ditahan | https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/48803-premis-simpan-diesel-tanpa-kebenaran-diserbu-dua-pekerja-ditahan | BERITARTM |